

ETNIK IDAHAN

AKTIVITI SOSIOEKONOMI

Mengutip Sarang Burung Secara Warisan



Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

Sinopsis

Etnik Idahan terdapat di Pantai Timur Sabah terutamanya di kawasan Lahad Datu, Sandakan dan Kinabatangan. Mereka merupakan salah satu daripada etnik anak negeri yang terawal di Negeri Sabah. Mengikut bancian pada tahun 1984, etnik Idahan dianggarkan berjumlah 5000 hingga 6000 orang. Manakala pada masa ini dianggarkan berjumlah sekitar 20,000 hingga 25,000 orang. Bilangan penduduk etnik Idahan yang agak sedikit menjadikannya sebagai etnik anak negeri yang minoriti di Sabah. Etnik Idahan mempunyai rumpun tersendiri sebagaimana etnik Kadazandusun dan Bajau. Terdapat tiga sub kelompok rumpun etnik Idahan berdasarkan agama, bahasa dan tempat. Mereka yang tinggal di sekitar kawasan Lahad Datu dan beragama Islam dipanggil Idahan manakala yang tinggal di kawasan sekitar Tungku dipanggil Begahak. Mereka yang tinggal di kawasan Sandakan dan Kinabatangan pula dipanggil Orang Sungai.

Berdasarkan sejarah perkembangan agama Islam di Sabah, etnik Idahan merupakan pemeluk agama Islam yang terawal di Negeri Sabah. Fakta ini dibuktikan dengan Pengislaman oleh seorang individu berketurunan Idahan yang tinggal di kawasan Lahad Datu Sabah pada tahun 1408. Tokoh tersebut bernama Abdullah dan pengislamannya dilakukan di kawasan Teluk Darvel oleh seorang auliah dari Arab yang bernama Auliah Makdum. Fakta ini terbukti dengan penemuan sebuah manuskrip lama bertulisan Jawi dalam bahasa etnik Idahan lama daripada salah seorang tokoh agama di daerah Lahad Datu iaitu Imam Injir @ Ahmad bin Imam Panjang. Etnik Idahan mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi kegiatan ekonomi mereka iaitu mengutip sarang burung di dalam gua yang diwarisi dari satu generasi ke generasi dan berkait rapat dengan faktor sosial mereka.

Mengutip Sarang Burung

Menurut Jusman Aman Setia (2004) etnik Idahan telah diiktiraf oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) sebagai pemilik mutlak kawasan-kawasan yang mempunyai sarang burung seperti Gua Madai, Segarung, dan Tepadung, Tegarung, Sepad Batu dan Teluk Darvel. Kawasan-kawasan tersebut telah diisytiharkan sebagai harta persendirian bagi etnik Idahan sehingga sekarang.

Fakta ini termaktub apabila The Birds Nest Ordinance tahun 1914 telah diluluskan. Ordinan yang diluluskan oleh SBBU memberi pengiktirafan kepada etnik Idahan untuk mewarisi dan menyelaraskan pemungutan sarang burung di gua-gua berkenaan. SBBU juga telah mengenakan cukai sebanyak 10% kepada perniagaan sarang burung dan memperkenalkan buku pendaftaran untuk menentukan giliran mengutip sarang burung. Selepas merdeka pihak Jabatan Hidupan Liar telah mengambil alih peranan SBBU untuk mengawasi kegiatan pengutipan sarang burung. Jabatan inilah yang bertanggungjawab untuk mengutip cukai kerajaan sebanyak 10% dan urusan masa pengutipan sarang burung.

Sebelum tahun 1995 kegiatan mengutip sarang burung hanya dilakukan pada dua musim dalam setahun iaitu pada musim papas (Mac-Jun) dan penangoh (September-November). Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 1995 semua pewaris dalam kalangan etnik Idahan yang terlibat dalam kegiatan pengutipan sarang burung telah bersetuju untuk menambah satu lagi musim mengutip sarang burung iaitu ekor atau penangin (November-Disember). Urusan mengenai permasalahan yang berkaitan dengan pengutipan sarang burung dikendalikan oleh Mahkamah Anak Negeri Lahad Datu yang dipengerusikan oleh Ketua Daerah.


Kegiatan ekonomi ini bertahan sehingga kini kerana merupakan satu kegiatan ekonomi warisan yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi dan berkait rapat dengan faktor sosial etnik Idahan. Kegiatan mengutip sarang burung sangat menguntungkan namun mempunyai risiko yang terlalu tinggi. Pengutip terdedah kepada maut jika kerja-kerja tersebut dilakukan dengan tidak berhati-hati. Kerja-kerja pengutipan sarang burung hendaklah dilakukan oleh orang yang mahir dan arif serta harus bekerja secara berpasukan .

Kerja-kerja pengutipan sarang burung dilakukan dengan diketuai oleh seorang ketua yang dipanggil sebagai tukang. Beliau akan dibantu oleh beberapa orang pekerja yang dilengkapi dengan peralatan-peralatan tertentu. Peralatan tersebut terdiri daripada kayu, gegulug, sekko, ambung, gigki, pam air, lilin atau pelita. Kelengkapan ini merupakan peralatan penting yang mesti disediakan semasa pengutipan sarang burung

[1] Oleh kerana memungut sarang burung memerlukan kemahiran khas, seperti kebolehan bekerja pada paras yang tinggi dan dalam keadaan yang gelap maka bukan semua pewaris boleh menjadi pemungut sarang burung. Seorang tukang pemungut hendaklah berani, kuat, bersemangat, cekal dan mengetahui sempadan antara satu lubang batu dengan lubang batu yang lain.



Kegiatan mengutip sarang burung



Aktiviti mengutip sarang burung menggunakan kaedah tradisional



***Sarang Burung;** Terdapat dua jenis sarang burung iaitu sarang burung hitam yang mengandungi campuran air liur dan bulu burung. Sarang burung putih keseluruhannya mengandungi air liur burung sahaja.*



Kegiatan mengutip sarang burung di dalam gua



Seorang pengutip sarang burung yang mahir menjalankan kerja-kerja semasa aktiviti mengutip sarang burung

Pengutipan sarang burung merupakan kegiatan ekonomi utama etnik Idahan. Dipercayai bahawa kegiatan ekonomi ini adalah warisan yang telah ditinggalkan oleh Apoi kepada keturunannya. Ketika menjalankan pengutipan sarang burung mereka berpegang kuat kepada amalan-amalan dan kepercayaan nenek moyang mereka. Kawasan Gua Madai dipercayai sebagai tempat persemadian roh-roh nenek moyang mereka, makhluk halus, hantu dan terdapat kubur-kubur lama di kawasan gua tersebut.

Oleh itu, kegiatan ekonomi ini berkait rapat dengan adat-istiadat kerana melibatkan warisan. Sebagai contoh, apabila hendak memulakan kerja-kerja pengutipan sarang burung dalam sesebuah pessu. Pengutip sarang burung yang terlibat akan memaklumkan kepada sanak saudara yang termasuk dalam bahagian pessu. Setelah makluman dibuat maka mereka mula berbincang.

Dalam perbincangan tersebut mereka akan menentukan tarikh mengutip, pekerja terlibat dan peralatan yang akan digunakan. Setiap waris yang mempunyai hak untuk memungut sarang burung perlu menghantarwakil kerana jika salah seorang tidak hadir, perbincangan tersebut tidak boleh diteruskan. Sekiranya diteruskan juga perbuatan sedemikian adalah menyalahi adat dan dianggap mengieku bermaksud membelakangi keluarga yang mempunyai bahagian dalam perbincangan tersebut.

Setelah selesai berbincang, mereka akan menunggu tarikh yang telah ditetapkan. Apabila hari yang ditetapkan tiba, mereka memulakan pengutipan sarang burung. Semasa menjalankan pengutipan sarang burung beberapa pantang larang perlu dipatuhi dan tidak boleh dilanggar kerana dikhuatiri akan menyebabkan kecelakaan. Pantang larang yang mesti dipatuhi ialah tidak boleh memakai tegawih (sejenis penutup kepala), bersin, bercakap perkara yang tidak senonoh dan membuat bising semasa pengutipan dijalankan.

Selain itu, pengutip sarang burung tidak boleh membawa kucing kerana dipercayai bahawa haiwan tersebut boleh menyebabkan ribut berlaku. Kepercayaan melalui liwon binatang turut mempengaruhi kegiatan pengutipan sarang burung. Misalnya, jika terdapat seekor burung putih masuk atau keluar dari gua batu, perkara itu adalah petanda tidak baik iaitu akan berlaku kematian. Oleh itu, kerja-kerja pengutipan sarang burung akan dibatalkan.

Semasa pengutipan sarang burung dilakukan dan sekiranya seseorang ternampak sesuatu perkara atau binatang yang ganjil. Individu tersebut tidak boleh menegur dan membuat bising kerana akan terkena keteguran. Amalan mematuhi pantang larang semasa mengutip sarang burung amat dipatuhi oleh etnik Idahan.

Salah satu lagi keunikan semasa pengutipan sarang burung ialah konsep sinut. Sinut adalah salah satu adat etnik Idahan yang masih diamalkan sehingga ke hari ini. Amalan ini merupakan pemberian pihak waris kepada individu-individu yang datang membantu semasa pengutipan sarang dilakukan.

[2] Dipercayai binatang tersebut merupakan makhluk halus yang menyerupai binatang dan membawa sesuatu perkhabaran kepada para pewaris yang sedang mengutip sarang burung. Ia juga dikatakan mempunyai kuasa sehingga seseorang yang menegur boleh terkena ketegurannya. Biasanya jika berlaku keteguran maka bomoh digunakan untuk memanggil semangat orang yang terkena keteguran. Dipercayai semangat orang yang terkena keteguran telah dikuasai oleh makhluk halus yang ditegurnya. Temubual dengan Hj. Suti bin Gaib dan Hj. Salim bin Hj Etong.

[3] Sinut adalah wang yang diberi oleh individu kepada individu lain. Wang tersebut diberikan sebagai sedekah untuk tujuan mendapat keberkatan. Konsep sinut merupakan salah satu aspek penting semasa pengutipan sarang burung di gua Madai. Sinut adalah bebez dengan upah yang diberikan semasa seseorang terlibat bekerja mengutip sarang burung.

Penutup

Dalam aktiviti sosioekonomi tradisi etnik Idahan pantang larang dan adat-istiadat mempunyai peranan yang sangat penting. Adat-istiadat dan pantang larang seperti liwon dan keteguran masih diamalkan khususnya dalam kegiatan ekonomi tradisional yang diwarisi turun temurun iaitu mengutip sarang burung. Peralatan-peralatan tradisional juga masih digunakan dalam aktiviti tersebut. Walau bagaimanapun, peredaran masa dan pendedahan terhadap pengaruh luar menyebabkan aspek sosio-ekonomi etnik Idahan telah mengalami perubahan.